

# 265 bot jadi tukun tiruan

Sinar Harian  
7/feb/2018 m/s 20

Dilupuskan Maritim Wilayah Timur sejak 2006 untuk kurangkan kesesakan di jeti

**KEMAMAN** - Sebanyak 265 bot ditenggelamkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Wilayah Timur untuk dijadikan tukun tiruan sejak 2006 sehingga semalam.

Pengarah Maritim Wilayah Timur, Laksamana Pertama Maritim Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, jumlah itu termasuk sebuah bot tahanan yang dilucut hak dan dilupuskan kira-kira enam batu nautika dari Pulau Ular, di sini, semalam.

Menurutnya, sebanyak tiga bot dirancang untuk dilupuskan semalam, namun ketinggian ombak mencapai 3.5 meter menyebabkan hanya sebuah bot berjaya dilupuskan dan dua lagi akan dilupuskan hari ini menjadikan keseluruhan bot

berjumlah 267 buah.

Katanya, tiga bot itu merupakan pelupusan pertama dilakukan Maritim Wilayah Timur untuk tahun ini, manakala sebanyak 18 bot telah ditenggelamkan sepanjang tahun lalu.

"Tiga bot ini sebelum ini ditempatkan di jeti Pangkalan Maritim Kemaman dan dilupuskan menerusi kaedah tenggelam.

"Bot ini akan dijadikan tapak habitat baru ekosistem marin dan sebagai peranti pemuliharaan biodiversiti marin iaitu tempat perlindungan serta sumber makanan kepada hidupan laut," katanya pada sidang media sempena pelupusan bot itu di jeti Pangkalan Maritim Kemaman.

Mengulas lanjut,



Tiga bot nelayan asing ini ditenggelamkan untuk dijadikan tukun kira-kira enam batu nautika dari Pulau Ular, semalam.

Zulkarnain berkata, ketiga-tiga bot itu ditahan kerana melanggar undang-undang persekutuan di bawah Akta Perikanan 1985 iaitu men-ceroboh dan menangkap

ikan di perairan negara.

Tambahnya, setelah didapati bersalah oleh mahkamah, bot itu telah dilucut hak dan dilupuskan sebagai tukun di perairan negara.

Katanya lagi, pelupusan itu dapat mengurangkan kesesakan di jeti Pangkalan Maritim Kemaman yang hanya mempunyai tempat terhad bagi menampung

bot-bot tahanan.

"Setakat ini masih terdapat 21 bot nelayan asing di jeti ini sementara menunggu proses perbicaraan selesai," katanya.